

Pejabat kedutaan Malaysia di Washington dibaik pulih RM14 juta terbiar kosong
Malaysian Insider
Nov 23, 2015
Oleh Md Izwan

Dua bangunan yang menempatkan Pejabat Perwakilan Malaysia di Washington yang dibaik pulih bernilai RM14.17 juta terbiar kosong selepas berpindah ke Bangunan Canseri yang diduduki sekarang, dedah Laporan Ketua Audit Negara 2014 Siri 3 hari ini.

Bangunan Annex 1 dan 2 yang masing-masingnya dibeli pada tahun 1979 dan 1984 dengan kos RM1.45 juta dan RM1.05 juta terbiar kosong sejak tahun 2002.

Kedua bangunan itu kemudiannya dibaik pulih dengan kos menelan sebanyak RM14.17 juta yang siap pada 2012.

"Pemeriksaan Audit pada 19 Ogos 2014 mendapati bangunan itu sudah mula dibaik pulih pada tahun 2010 dan siap pada tahun 2012 dengan kos RM14.17 juta.

"Bagaimanapun, ia belum diduduki dan masih terbiar kosong," kata laporan yang dikeluarkan hari ini itu.

Selain itu, tempoh jaminan kecacatan bangunan sudah tamat pada 29 Jun 2013.

Pejabat Kedutaan Besar Malaysia juga menanggung kos bayaran utiliti dan perkhidmatan pembersihan bangunan yang berjumlah antara AS\$2,000 hingga AS\$3,000 sebulan.

"Pada pendapat Audit, Bangunan Annex 1 dan 2 di Washington, Amerika Syarikat yang sudah diubahsuai tetapi masih belum digunakan adalah satu pembaziran.

"Kerajaan Malaysia juga perlu terus menanggung kos bayaran utiliti dan perkhidmatan pembersihan bangunan.

"Selain itu, tempoh jaminan kecacatan yang sudah tamat dan jika berlaku kerosakan sama ada sebelum atau selepas bangunan diduduki tidak boleh dituntut daripada kontraktor," kata laporan itu lagi. - 23 November, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pejabat-kedutaan-malaysia-di-washington-dibaik-pulih-rm14.17-juta-terbiar-k>